

PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP STRATEGI PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN

Nur Aida Muhammad
nuraidamuhammad@yahoo.com
Khadijah Abdul Razak, PhD.
khadijah.razak@ukm.edu.my
Ab. Halim Tamuri, PhD.
abhalim@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, UKM.

Abstrak

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan agenda nasional yang perlu dilaksanakan oleh guru dalam sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun, agenda ini masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh para guru di sekolah. Impaknya, tahap penguasaan pelajar terhadap KBAT ini masih di tahap sederhana dan rendah. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji strategi penerapan KBAT dalam kalangan GPI sewaktu pengajaran. Kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini melibatkan tiga orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang telah dilantik sebagai Jurulatih Utama Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan, penggubal Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam dan pembina modul pengajaran Pendidikan Islam di Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia serta telah berkhidmat selama lima tahun atau lebih dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima strategi yang digunakan oleh guru bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran, iaitu memahami objektif bidang dan objektif pembelajaran Pendidikan Islam secara mendalam, memahami konsep KBAT secara mendalam, menyedari tahap dan keperluan kognitif pelajar, merancang penerapan KBAT dengan baik serta memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan beraras tinggi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penerapan KBAT boleh dilaksanakan dengan berkesan sekiranya guru mempunyai pengetahuan yang luas mengenai strategi penerapan KBAT dalam pengajaran.

Kata kunci: penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), guru Pendidikan Islam, pengajaran dan pembelajaran

Abstract

Higher Order Thinking Skills (HOTS) is a national agenda that needs to be implemented by the teachers in the national education system. However, this agenda is still not fully being implemented by the teachers in school. As a result, the level of students' mastery of HOTS was still at a moderate or low level. Therefore, this study was conducted to examine the HOTS application strategy among the Islamic Education Teachers (GPIs) during teaching. The qualitative research that used the case study design involved three primary school Islamic Education teachers who had been appointed as Head Coaches of Islamic Education at the National Level, the drafter of the Islamic Education Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP), and the developer of Islamic Education teaching modules in the Curriculum Development Division, Ministry of Education Malaysia and had served for five years or more with the Ministry of Education Malaysia. The results of the study found that there were five strategies used by the teachers to apply HOTS in teaching, that were to understand the field objectives and the learning objectives of Islamic Education in-depth, understand the concept of HOTS in-depth, be aware of the level of student's cognitive abilities and be optimistic towards the students, plan the application of HOTS well and ensure that the teaching and learning methods used were of a high level. This study implied that the HOTS application could be implemented well and effectively if the teachers had a broad knowledge of the HOTS application strategies in teaching.

Keywords : *Teacher knowledge, application, higher-order thinking skills (HOTS), Islamic education teachers, teaching and learning*

Negara Malaysia kini sedang mengharungi pelbagai perubahan dinamik lantaran cabaran globalisasi dan tuntutan keperluan abad ke-21. Generasi muda yang diibaratkan sebagai aset negara perlu dibangunkan kompetensi mereka dari pelbagai sudut khususnya dari aspek penguasaan kemahiran abad ke-21 agar kompeten untuk bersaing di peringkat global. Bagi mencapai hasrat ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewartakan enam aspirasi murid yang perlu dicapai oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, antaranya ialah kemahiran berfikir (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025).

Dalam kurikulum kini, penerapan kemahiran berfikir yang diberi keutamaan ialah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) kerana potensinya mampu meningkatkan kualiti intelektual pelajar. Penerapan KBAT telah dimulakan di peringkat sekolah rendah menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam semua mata pelajaran termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam. Penerapan KBAT dilihat menepati aspirasi dalam Pendidikan Islam, iaitu bertujuan untuk mencapai matlamat Pendidikan Islam itu sendiri. Hal ini kerana tujuan Pendidikan Islam adalah untuk tujuan keagamaan iaitu membawa seseorang mengenal Allah SWT dan menunaikan hak-hak-Nya, dan tujuan keilmuan, iaitu membawa seseorang kepada kemahiran yang membolehkannya menghadapi kehidupan dunianya (Ibnu Khaldun t.th dalam Ghazali, 2004). Pandangan Ibnu Khaldun tersebut jelas menunjukkan bahawa pengetahuan terhadap kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir adalah penting sebagai bekalan hidup manusia dalam menghadapi situasi yang mencabar. Dalam konteks Pendidikan Islam juga, penerapan KBAT dilihat amat penting bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan seseorang terhadap agama. Menurut Hasan Langgulung (1987), asas-asas falsafah Islam dapat difahami melalui pendekatan kemahiran menganalisis, mensintesis dan menilai. Kemahiran-kemahiran ini dilihat merujuk kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh itu, penerapan KBAT perlu dilaksanakan seawal peringkat kanak-kanak lagi bagi membentuk pemahaman mereka yang jitu terhadap ilmu Islam walau pun masih pada peringkat asas.

Justeru itu, para guru Pendidikan Islam (GPI) khususnya guru Pendidikan Islam sekolah rendah perlu sentiasa diberi pendedahan terhadap strategi penerapan KBAT dari semasa ke semasa agar mereka dapat menerapkan KBAT sewaktu pengajaran dengan baik sesuai dengan tahap kanak-kanak. Dengan kata lain, pendedahan demi pendedahan yang mantap dari pelbagai sumber harus disampaikan kepada GPI sekolah rendah agar dapat menjadi input kepada mereka dalam usaha menerapkan KBAT dengan baik dan berkesan di bilik darjah.

TINJAUAN LITERATUR

Berfikir ialah suatu proses kognitif seseorang untuk membina ilmu pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu perkara. Menurut De Bono (1976), berfikir ialah proses penjelajahan mental berdasarkan kepada pengalaman untuk mencapai matlamat. Ia dilakukan untuk mencari makna terhadap sesuatu perkara berdasarkan pengalaman sedia ada dalam ingatan (Rosnanaini et al. 2011; Hamza & Muhammad Hafiz 2013) melalui aktiviti-aktiviti refleksi, membina konsep dan penyelesaian masalah (Sigel 1984) serta mempengaruhi tingkah laku seseorang (Dominowski, 1971).

Dalam Islam, berfikir merupakan suatu suruhan dan gesaan Allah SWT kepada manusia keseluruhannya. Perkataan berfikir ini disebut di dalam al-Quran sebagai *ta'qilun*, *tanzurun*, *tadabbarun*, *tafakkarun*, *uli* atau *ulul albab*, *tazakkarun* (Muhammad Fuad, 1997). Menurut Mahyuddin (2001) dan Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007), banyak ayat dalam al-Quran yang merangsang manusia supaya berfikir antaranya surah al-Baqarah 2:44 dan 50, al-An'am 6:32, al-Nahl 16:12, al-Nisa' 5:82 dan al-Rum 30:21. Allah SWT mengurniakan akal fikiran kepada manusia agar manusia memahami tanda-tanda kekuasaan-Nya, mengkagumi ciptaan-Nya, memantapkan keimanan terhadap-Nya, patuh kepada perintah-Nya, meluaskan disiplin ilmu untuk kemakmuran manusia serta melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi (al-Attas, 2010; Asmawati & Fathiyah, 2012; Hamza & Muhammad Hafiz, 2013).

Allah SWT juga mengurniakan akal fikiran kepada manusia agar manusia dapat mencungkil hakikat dan kebenaran Islam (Asmawati & Fathiyah, 2012). Justeru, akal manusia perlu dirangsang untuk memperoleh ilmu pengetahuan (al-Ghazali t.th dalam Abdul Salam, 2003) dan menjauhi sifat jahil (Zakaria Stapa et al., 2012). Walau bagaimanapun, manusia harus diajar berfikir mengikut panduan wahyu (Mohd Rumaizuddin 2005) bagi mengelakkan amalan bertaklid secara membuta-tuli yang akan membawa kepada amalan rigid dan ekstrim serta tidak mempunyai nilai edukatif (Bagheri & Khosravi, t.th).

KBAT merupakan himpunan kemahiran berfikir yang berada pada tahap tinggi dalam hierarki Taksonomi. Kemahiran-kemahiran aras tinggi ini tercetus apabila seseorang menggunakan pemikiran bagi menghadapi situasi yang kompleks, mencabar dan baharu (Rajendran, 2008; Halimah, 2009; Yee, 2010) yang perlu diselesaikan bukan dengan aplikasi rutin yang biasa (Rajendran, 2008). KBAT ini bermula daripada kemahiran berfikir aras rendah (KBAR). Menurut Bloom (1956), kemahiran-kemahiran berfikir aras rendah merupakan tapak permulaan kepada pembelajaran yang menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi. Antara teori yang membincangkan tentang kemahiran berfikir aras rendah dan aras tinggi ini ialah teori Taksonomi Bloom (1956). Teori ini menerangkan tentang aras tingkah laku kognitif murid (Bloom 1989). Ia disusun secara berhierarki mengikut aras bermula daripada aras rendah sehingga aras tinggi iaitu bermula dari aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian (Bloom et al. 1956; Anderson et al., 2001; Marzano & Kendall, 2007; Halimah, 2009). Berdasarkan Taksonomi Bloom (1956), KBAT adalah bermula dari aras aplikasi sehingga penilaian (Rajendran, 2008).

Namun, sekitar tahun 1990-an, beberapa perubahan telah dilakukan oleh anak didik Bloom iaitu Anderson dan rakannya Krathwohl (Tee 2013) antaranya perubahan terhadap terminologi-terminologi yang terdapat dalam Taksonomi Bloom (1956) (Halimah, 2009; Tee, 2013). Dalam dimensi proses kognitif Anderson et al. (2001), terminologi-terminologi dalam aras tingkah laku kognitif Bloom (1956) telah diubah kepada bentuk kata kerja seperti mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mereka cipta (Halimah, 2009; Tee, 2013). Rasional perubahan ini adalah bagi memudahkan sesuatu tingkah laku itu diukur dan dilihat hasilnya malah sesuai diletakkan dalam objektif pembelajaran (Halimah, 2009).

Dalam kurikulum kini, kemahiran berfikir aras tinggi yang perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran berfokus kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Fokus ini ditentukan berdasarkan teori Taksonomi Bloom yang disemak semula oleh Anderson et al. (2001) (Masnah, 2014). Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013), kemahiran mengaplikasi bermaksud kebolehan kognitif seseorang yang menggunakan prinsip dan generalisasi tentang sesuatu terhadap suatu masalah atau situasi baharu. Kemahiran menganalisis pula bermaksud kebolehan mencerakin atau menstruktur maklumat kepada bahagian yang lebih kecil, menentukan bagaimana bahagian struktur keseluruhan atau matlamat berkaitan antara satu sama lain.

Kemahiran menilai pula bermaksud kebolehan membuat pertimbangan berdasarkan kriteria dan standard melalui pemeriksaan dan kritikan. Manakala, kemahiran mencipta bermaksud kebolehan menyatukan elemen untuk membentuk sesuatu, menyusun, menjana, merancang atau menghasilkan semula elemen kepada corak atau struktur yang baharu.

PERNYATAAN MASALAH

Penerapan kemahiran berfikir dalam sistem pendidikan negara bukanlah merupakan suatu perkara baru. Ia telah dilaksanakan sejak tahun 1990-an menerusi kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK) (Masnah 2014). Namun begitu, tahap kemahiran berfikir dalam kalangan murid masih berada di tahap sederhana (Siti Rahayah et al., 2008; Sarimah & Shaharom, 2008; Nor Azaheen, 2010 dan Nor Hasnida et al., 2011). Lantaran itu, beberapa kajian berkenaan kemahiran berfikir telah dijalankan bagi melihat

keupayaan guru dari segi kesediaan, amalan pengajaran kemahiran berfikir dalam mata pelajaran dan sikap (Rajendran, 2001; Rosnanaini, 2003; Khairuddin, 2008; Sharifah Nor Puteh et al., 2012; Sukiman et al., 2012) termasuklah Pendidikan Islam (Kelsom, 2010; Norasmahani, Nur Sofiah, Nur Syamira, Mohd Khushairi, Mohd Aderi & Khadijah, 2015; Nur Aida 2016; Muhammad Talhah, Mohd Aderi & Ahmad Marzuki, 2018).

Dalam bidang Pendidikan Islam, kajian menunjukkan bahawa sebahagian GPI kurang memberi perhatian terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran seperti kurang kerap mengemukakan soalan yang sukar (Wan Amirah, W.I Muhammad, Maimun Aqsha & Mohd Isa, 2016), kurang meningkatkan rasa ingin tahu murid (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2009; Mohd Aderi, 2014), kurang menggunakan kaedah pengajaran kreatif (Kamarul Azmi et al., 2011), kurang menggalakkan murid membuat kesimpulan isi pelajaran (Sarimah, 2017), kurang memanfaatkan bahan bantu mengajar bagi merangsang murid berfikir (Muhammad Talhah, et al. 2018; Sarimah, 2017), kurang menghubungkan kait pengajaran dengan kehidupan murid (Fathiyah, Nor Hayati, Azimi & Lukman, 2013; Wan Amirah et al., 2016) serta kurang menghubungkan kait pengajaran dengan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (Fathiyah & Asmawati, 2017).

Menurut Maznah (2014), para guru didapati masih kurang pengetahuan khususnya tentang KBAT, kurang kemahiran dalam melaksanakannya dan sikap guru yang tidak menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melaksanakannya. Walhal, penerapan kemahiran berfikir ini dapat meningkatkan pencapaian, minat murid dan kefahaman murid terhadap pembelajaran Pendidikan Islam (Muhd. Zuhilmi, 2011) serta meningkatkan penghayatan murid terhadap isi pelajaran (Nur Aida, 2016). Oleh itu, para GPI seharusnya diberi pendedahan yang mendalam mengenai kemahiran berfikir khususnya KBAT dalam pengajaran. Tambahan pula, kajian Norasmahani et al. (2015) dan Wan Amirah et al. (2016) turut mencadangkan agar para GPI perlu diberi lebih banyak pendedahan melalui kursus, bengkel dan latihan dalam perkhidmatan supaya penerapan KBAT kepada murid dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Oleh yang demikian, pengkaji berhasrat untuk meneroka pengetahuan GPI yang berpengalaman mengenai strategi penerapan KBAT dalam pengajaran. GPI tersebut terdiri daripada Jurulatih Utama Pendidikan Islam, penggubal Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam dan pembina modul pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah di Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia serta telah berkhidmat selama lima tahun atau lebih dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengkaji berpandangan bahawa pendedahan dari segi pengetahuan mengenai strategi penerapan KBAT dalam pengajaran daripada guru-guru yang berpengalaman dalam bidang Pendidikan Islam perlu dikongsi bersama GPI yang lain selain daripada pendedahan formal melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan seumpamanya kerana mereka turut berada di lapangan sekolah.

Justeru, kajian ini akan berfokus kepada meneroka pengetahuan guru mengenai strategi penerapan KBAT dalam pengajaran secara terperinci dan mendalam. Bagi tujuan tersebut, pengkaji telah memilih pendekatan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kaedah kajian kes. Hasil kajian diharapkan dapat menjadi panduan kepada para GPI yang lain dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penerapan KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Meneroka pengetahuan guru tentang strategi penerapan KBAT dalam pengajaran.

PERSOALAN KAJIAN

Apakah tafsiran guru terhadap strategi penerapan KBAT dalam pengajaran?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Pendekatan ini dipilih kerana ia dapat membuahkkan pemahaman yang baik dan mendalam tentang sesuatu perkara yang dikaji. Dari segi reka bentuk kajian, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes satu kes pelbagai tempat (*single case multisite*) (Miles & Huberman, 1994; Yin, 2003). Dalam kajian ini, kes yang dikaji ialah strategi GPI dalam KBAT sewaktu pengajaran. Pelbagai tempat pula merujuk kepada tiga buah sekolah yang berlainan, iaitu sekolah Sekolah Kebangsaan A, Sekolah Kebangsaan B dan Sekolah Kebangsaan C.

Peserta Kajian

Penyelidikan kualitatif memerlukan sampel yang sedikit dan dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) (Miles & Huberman, 1994; Merriam, 2009; Gay & Airasian, 2003). Dalam kajian ini, peserta kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Patton (1990) dan Sabitha Marican (2009), peserta kajian yang dipilih juga perlu kaya dengan maklumat dan dapat meningkatkan nilai data dari segi perspektif, kontak dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih peserta kajian yang berpengalaman hasil cadangan daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, iaitu mereka yang telah dilantik menjadi Jurulatih Utama Pendidikan Islam, penggubal Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam dan pembina modul pengajaran Pendidikan Islam di Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia serta telah berkhidmat selama lima tahun atau lebih dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengkaji beranggapan bahawa pengalaman yang dimiliki oleh peserta kajian merupakan kelebihan kepada kajian ini dari segi mendapatkan maklumat yang kaya serta mampu menjawab persoalan kajian pengkaji.

Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka pengetahuan guru tentang strategi penerapan KBAT dalam pengajaran. Maka, kaedah temu bual secara mendalam (*in-depth interviewing*) telah dipilih sebagai kaedah pengumpulan data. Menurut Bryman (2001), temu bual bagi penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua jenis, iaitu temu bual tidak berstruktur (*unstructured interview*) dan temu bual separa berstruktur (*semi-structured interview*). Temu bual tidak berstruktur dijalankan apabila penyelidik mengemukakan satu soalan secara terbuka dan peserta kajian boleh menjawab secara bebas. Manakala, temu bual separa berstruktur pula apabila penyelidik mempunyai senarai soalan atau panduan penyoalan (*interview guide*) dan peserta kajian juga boleh menjawab secara bebas. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan temu bual separa berstruktur bagi mengumpul data.

Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data, pengkaji telah melaksanakan proses *member checks* bersama GPI, *peer checking* dan analisis Cohen Kappa. Proses analisis data kajian ini pula melibatkan pengkodan secara induktif iaitu bermula dengan pengkodan terbuka (*open coding*), diikuti pengkodan selari (*axial coding*) dan pengkodan terpilih (*selective coding*) (Strauss & Corbin, 1998). Data kajian dianalisis menggunakan perisian NVIVO versi 11.0.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat lima tema strategi yang digunakan oleh GPI dalam menerapkan KBAT dalam pengajaran iaitu; (1) memahami objektif bidang dan objektif pembelajaran Pendidikan Islam secara mendalam, (2) memahami konsep KBAT secara mendalam, (3) menyedari tahap dan optimis terhadap keupayaan kognitif murid, (4) merancang penerapan KBAT dengan baik, dan (5) memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan beraras tinggi.

1. Memahami objektif bidang dan objektif pembelajaran Pendidikan Islam secara mendalam
Tema pertama yang muncul hasil daripada analisis data temu bual berkaitan strategi guru bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran ialah berkaitan dengan objektif bidang dan objektif pembelajaran. Dalam usaha menerapkan KBAT dengan baik, peserta kajian menjelaskan bahawa GPI harus memahami kehendak objektif bidang dan objektif pembelajaran Pendidikan Islam secara mendalam. Jelas mereka:

Pertama, akak memang pentingkan objektif. Kalau boleh, jangan keluar daripada objektif tu punya *border*.

(PK01/TB03/B186-190)

Mula-mula akak akan tengok objektif. Objektif apa yang kita nak capai. Lepas tu fikir apa proses HOTS yang akan berlaku. Lepas tu kita sesuaikanlah aktiviti dengan proses HOTS yang akan berlaku tu.

(PK02/TB05/B47-49)

Saya memang akan tengok objektif apa kita nak ajar dulu. Lepas tu tengok pulak aktiviti yang nak kita jalankan untuk KBAT.

(PK03/TB04/B62)

Berdasarkan petikan-petikan di atas, dapatlah difahami bahawa para peserta kajian menyatakan bahawa mereka meneliti objektif bidang dan objektif pembelajaran Pendidikan Islam sebelum merancang aktiviti yang melibatkan KBAT. Setelah memahami kehendak objektif bidang dan pembelajaran, baharulah mereka merancang aktiviti-aktiviti pengajaran yang melibatkan pengintegrasian kemahiran-kemahiran beraras tinggi. Dapatan ini adalah sejajar dengan pandangan Ahmad (2008) yang menekankan bahawa guru Pendidikan Islam seharusnya mengetahui dasar-dasar pendidikan dan cara mengajar yang berkesan dalam usaha mengembangkan ilmu pengetahuan kepada murid.

2. Memahami konsep KBAT secara mendalam
Tema kedua yang muncul hasil daripada analisis data temu bual berkaitan strategi guru bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran ialah berkaitan dengan kefahaman terhadap konsep KBAT. Para peserta kajian menjelaskan bahawa menjadi suatu perkara yang amat penting bagi GPI yang ingin menerapkan KBAT dalam pengajaran agar memahami konsep-konsep berkaitan KBAT secara mendalam. Ini kerana penerapan KBAT melibatkan suatu proses kognitif. Ujar mereka :

HOTS ni ialah proses yang selagi belum ditunjukkan murid, ia kekal sebagai teori pemikiran.
Perlu faham dan *plan betul-betul*.

(PK01/TB03/B170-171)

... cikgu kena betul-betul faham konsep HOTS, konsep objektif bidang, objektif pembelajaran, peranan dia... barulah senang menjana HOTS ni...dapat terap dengan baik.

(PK02/TB04/B61-63)

... cikgu kena betul-betul faham konsep HOTS dulu...

(PK02/TB04/B61)

Berdasarkan petikan-petikan di atas, jelaslah bahawa para peserta kajian menekankan bahawa perlunya para guru memahami konsep KBAT secara mendalam sebelum merancang aktiviti yang melibatkan KBAT. Dapatan ini adalah selari dengan pandangan Beyer (1995) yang menyatakan bahawa sebelum melaksanakan pengajaran kemahiran berfikir, guru perlu mengetahui dan menguasai kemahiran berkenaan. Tambahan pula, guru perlu membimbing murid menguasai kemahiran-kemahiran berfikir tersebut (Som & Mohd Dahalan, 1998). Hal ini tidak lain dan tidak bukan adalah bagi membantu manusia menggunakan akal dengan betul kerana akal perlu dirangsang bagi memperolehi ilmu pengetahuan (al-Ghazali t.th dalam Abdul Salam, 2003). Namun, ia perlu dilakukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam (Mohd Rumaizuddin, 2005).

3. Menyadari tahap dan optimis terhadap keupayaan kognitif murid
Tema ketiga yang muncul hasil daripada analisis data temu bual berkaitan strategi guru bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran ialah berkaitan dengan keupayaan kognitif murid. Bagi sub tema ini, para peserta kajian didapati berpandangan bahawa dalam usaha untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid, GPI perlu optimis bahawa tahap pemikiran murid boleh dikembangkan daripada aras rendah kepada aras yang lebih tinggi. GPI juga tidak harus memandang rendah terhadap keupayaan kognitif mereka untuk berfikir. Ujar mereka :

Bagi akak, budak kecil diorang punya imaginasi tidak terbatas. *They can imagine all sorts of things. Why not* kita lorongkan imaginasi kanak-kanak tu kepada benda yang betul. **Yakin dengan diorang.** Itulah tugas kita sebagai guru.

(PK01/TB02/B43-46)

Sebenarnya dengan budak ni, kita boleh pergi lagi dalam lagi...syok ...*don't judge them*. Jangan sekali kita menidakkan diorang. Jangan sekali-kali. Kita tak tahu benda apa diorang boleh bagi kat kita sebenarnya. **Kita kena confident je dengan diorang...21st century** punya budak kan.. **jangan pandang rendah dengan diorang ni.**

(PK02/TB05/B149-153)

Pada pendapat saya, KBAT ni sesuai pada budak-budak sekolah rendah. Budak-budak kita ni sekarang dah fikir luar daripada kotak dah sekarang ni, pengetahuan sedia ada terlebih. Diorang cepat je, macam MH 370, diorang yang lebih *explore* lagi. **So, kena yakin diorang boleh fikir jauh.**

(PK03/TB02/B3-7)

Walau bagaimanapun, para peserta kajian berpendapat bahawa GPI perlu menyedari tahap kognitif murid sama ada berada pada tahap operasi konkrit, abstrak dan sebagainya. Pada peringkat sekolah rendah, tahap kognitif murid berada di tahap operasi konkrit. Oleh sebab itu, murid memerlukan kepada contoh-contoh konkrit dan hampir dengan diri dan lingkungan pengalaman murid bagi memudahkan mereka memahami isi kandungan pelajaran dengan cara menghubungkan kait fakta yang telah dipelajari dengan situasi. Jelas mereka :

Cari contoh yang terdekat dengan diorang. Barulah kita boleh *infuse thinking skills* tu, sebab dia tak boleh nak fikir jauh, sebab dia tak faham situasi tu.

(PK01/TB02/B164-166)

...kena dedahkan dengan apa yang dia ada. Lingkungan pengalaman dia kecil.

(PK01/TB02/B173-178)

Budak-budak ni kita kena **bagi contoh-contoh yang dekat sekeliling dia**, baru dia buat justifikasi.....terang secara mendalam.

(PK02/TB05/B153-154)

Berkaitan hal ini, PK01 turut menjelaskan bahawa guru boleh mengemukakan dalil-dalil *aqli* bagi membantu murid menghubungkan kait dengan isi pelajaran khususnya berkaitan dengan perkara-perkara yang berkait dengan keimanan dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar (PK01/TB02/B3-13; PK01/TB03/B121-126). Kata beliau :

Kalau akidah, **kita kena beri dalil aqli.** Untuk membolehkan budak ni serap, penghayatan akidah ialah dia kena percaya, *believe. They have to see.* Diorang kena nampaklah apa bendanya.

(PK01/TB02/B3-13)

Contoh, **menyenaraikan dalil aqli** Allah Maha Berkuasa. Kerlipan mata kita...degupan jantung kita...semua *beyond control*. Walaupun ini badan kita kan? Sepatutnya kita boleh

control. Tapi ada tak benda yang kita tak boleh *control*? Macam degupan jantung kalau dia laju, boleh tak kita kata berhenti. Tak boleh kan. Ini qudrat Allah...kekuasaan Allah.

(PK01/TB03/B121-126)

Selain itu, PK03 pula menyatakan bahawa guru harus menerima apa sahaja jawapan daripada murid khususnya ketika murid menceritakan pengalaman atau isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka. Ini kerana murid sebenarnya sedang mengaitkan contoh-contoh yang berlaku di sekeliling mereka tersebut dengan isi pelajaran (PK03/TB02/B19-23). Jelas beliau :

KBAT sekarang ni cikgu-cikgu tak boleh bergantung pada skema je sekarang ni. Dia kena keluar sikit daripada ni. **Terimalah sekiranya budak dah keluar sikit daripada apa yang kita dah tetapkan dalam skema tu kan.**

(PK03/TB02/B19-23)

Keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa tema menyedari tahap dan bersikap optimis terhadap keupayaan kognitif murid merupakan antara strategi yang boleh digunakan bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran. Pada peringkat sekolah rendah, GPI perlu menyedari bahawa pemikiran murid pada peringkat ini adalah bersifat konkrit (Piaget dalam Azizi et al., 2005). Oleh sebab itu, GPI harus memberi contoh-contoh yang konkrit dan hampir dengan diri dan lingkungan pengalaman murid pula adalah sejajar dengan teori perkembangan kognitif Piaget yang menyatakan bahawa murid yang masih berada di peringkat kanak-kanak harus banyak didedahkan dengan contoh-contoh yang konkrit dan hampir dengan diri murid dalam usaha untuk mengembangkan pemikiran mereka (Azizi et al., 2005).

Dalam konteks Pendidikan Islam pula, peserta kajian berpandangan bahawa GPI perlu memperbanyakkan penggunaan dalil-dalil *aqli* bagi menggalakkan murid berfikir. Dapatan ini adalah selari dengan pandangan Samak (1980) yang menyarankan agar guru mengemukakan dalil-dalil *aqli* kepada murid bagi mencungkil pengetahuan dan mendidik murid berfikir. Tambahan pula, terdapat banyak perkara dalam Pendidikan Islam yang berbentuk abstrak dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar seperti konsep ketuhanan, malaikat dan alam akhirat. Maka, GPI perlu membina keyakinan murid terhadap konsep kewujudan Allah SWT dan perkara-perkara ghaib yang lain melalui proses berfikir berbantuan dalil-dalil *aqli* lantaran ia dapat merangsang rasa percaya dan keimanan kanak-kanak terhadap perkara-perkara ghaib (Zakiah, 1980).

Selain itu, para peserta kajian berpendapat bahawa GPI perlu optimis bahawa tahap kognitif murid boleh dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi serta tidak sekali-kali memandang rendah keupayaan murid untuk berfikir. Dapatan ini selari dengan kenyataan Beyer (1997) yang menyatakan guru perlu yakin bahawa tahap kognitif murid boleh dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi. Guru juga jangan sekali-kali memandang rendah keupayaan murid untuk berfikir dengan kompleks kerana mereka mampu berbuat demikian (Beyer 1997). Cuma, kebanyakan kanak-kanak berfikir secara tidak sistematik, iaitu mereka tidak merancang, mengenal pasti masalah dengan jelas dan tidak meletakkan tujuan penyelesaian masalah yang dihadapi (Beyer 1997). Oleh itu, guru harus berperanan membimbing murid untuk berfikir aras tinggi dengan cara yang bersesuaian dengan tahap dan keperluan kognitif mereka.

4. Merancang penerapan KBAT dengan baik

Tema keempat yang muncul hasil daripada analisis data temu bual berkaitan strategi guru bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran ialah berkait dengan perancangan pengajaran. Berkaitan tema ini, para peserta kajian didapati berpandangan bahawa dalam memastikan KBAT dapat diterapkan dengan baik dalam pengajaran, GPI perlu terlebih dahulu memilih aktiviti pengajaran yang dapat memberi peluang kepada murid berfikir aras tinggi. Perancangan ini perlu dibuat seawal dari penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Jelas peserta kajian :

Aktiviti kena sokong objektif. Dan sekarang ni kita ada satu payung besar iaitu *higher-order thinking skills*. **Mesti bagi peluang pelajar guna KBAT.**

(PK01/TB04/B183-184)

Sebab tu tulis RPH lama. Kita fikir tentang aktiviti tu kan..apa nak buat. Apa benda nak kena tanya, apa benda nak kena soal.. sesuai tak, **relevan tak aktiviti ni dengan objektif...boleh bagi budak berfikir tak...kena bagilah budak guna KBAT tu...**

(PK02/TB03/B173-175)

Selain itu, para peserta kajian turut berpandangan bahawa sebelum menerapkan KBAT dalam pengajaran, GPI perlu merancang bahan bantu mengajar (BBM) yang bukan sahaja menarik, tetapi juga bersifat interaktif dan berupaya mencambah idea dan pemikiran murid. BBM tersebut juga haruslah memberi peluang kepada murid menggunakan kemahiran-kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis, BBM mesti bantu budak **berimajinasi dan tak sekat kreativiti murid.**

(PK01/TB01/B389)

BBM tu mesti **interaktif** dan **membantu student untuk mencambah idea dan pemikiran...**

(PK02/TB03/B268-269)

Saya pastikan BBM dapat **rangsang pelajar berfikir...dapat gunakan kemahiran analisis, menilai, mencipta semua tu....**

(PK03/TB02/B140)

Berdasarkan petikan-petikan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa antara strategi para peserta kajian bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran ialah dengan membuat perancangan terlebih dahulu khususnya dari sudut aktiviti pengajaran yang ingin dilaksanakan serta BBM yang akan digunakan. Guru perlu merancang aktiviti pengajaran yang mampu memberi peluang kepada murid menggunakan kemahiran-kemahiran berfikir aras tinggi. Dapatan ini selari dengan pandangan Hayes et al. (2006) dan Shahril (2018) yang menyatakan bahawa penerapan elemen pemikiran aras tinggi dalam pengajaran melibatkan sejauh mana tingkah laku guru menyediakan aktiviti yang memberi peluang kepada murid melakukan kemahiran aras tinggi seperti mensintesis, membuat generalisasi, membuat huraian, membuat hipotesis, membuat kesimpulan dan menginterpretasi maklumat.

Dari segi penulisan aktiviti pengajaran pula, kata kerja yang digunakan harus menggambarkan tingkah laku murid yang menunjukkan KBAT. Hal ini bagi memastikan GPI jelas dan mengambil perhatian tentang kemahiran aras tinggi yang ingin diterapkan. Dapatan ini selari dengan kenyataan Rahil et al. (2009) yang menjelaskan bahawa guru perlu menggunakan perkataan-perkataan khusus yang menggambarkan tingkah laku murid sewaktu menulis RPH (Rahil et al., 2009).

Manakala, dapatan kajian berkenaan penyediaan BBM pula dapat disokong dengan pandangan Abdullah dan Aion (2008) yang menjelaskan bahawa dalam menggalakkan murid berfikir, guru perlu merancang bahan yang berupaya mengaktifkan deria murid dan merangsang daya inovatif. Guru juga digalakkan mencipta bahan latihan sendiri kerana guru boleh menyesuaikan bahan latihan tersebut dengan latar belakang murid dan proses berfikir yang dikehendaki (Abdullah & Aion, 2008). Mohd Syaubari (2017) pula mencadangkan agar guru membudayakan penggunaan BBM yang berupaya meningkatkan pemikiran kreatif dan kritis murid.

5. Memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan beraras tinggi

Tema kelima yang muncul hasil daripada analisis data temu bual berkaitan strategi guru bagi menerapkan KBAT dalam pengajaran ialah berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Menurut para peserta kajian, dalam usaha untuk menerapkan KBAT, GPI harus mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang benar-benar mendorong murid untuk berfikir aras tinggi. Antara kaedah pengajaran yang boleh digunakan kaedah penyoalan. Ujar para peserta kajian :

Apa pun penyoalan tu penting! *Asking the right question to infuse thinking skills in our class.*
Akak mesti manfaatkan untuk KBAT.

(PK01/TB01/B396-397)

Hm..**strategi utamalah** bagi akak, **soalan** lah..soalan..

(PK02/TB02/B291)

KBAT ni saya **biasa** guna **penyoalan...** penting soalan tu.

(PK03/TB03/B51-52)

Berkaitan dengan kaedah penyoalan ini, ketiga-tiga orang peserta kajian menjelaskan bahawa kaedah penyoalan dapat merangsang murid untuk berfikir aras tinggi. Walau bagaimanapun, menurut PK01, soalan yang dikemukakan haruslah betul dan tepat. Dengan kata lain, ia dapat merangsang murid untuk berfikir. Jelas beliau :

Asking the right question is the tool pada cikgu supaya dia dapat cangkil *Higher-Order Thinking Skills*.

(PK01/TB02/231-233)

Oleh sebab itu, GPI perlu mengaplikasi teknik-teknik penyoalan aras tinggi. Antaranya ialah mengemukakan soalan mengikut aras taksonomi. Ujar mereka :
menilai dan mencipta, membantu murid berimajinasi dan tidak menyekat kreativiti murid. Jelas peserta kajian :

Guru kena **tanya pelajar ikut aras**. Kalau soalan tu tanya apakah maksud *wahdaniyah*? Itu belum KBAT lagi. **Bentuk soalan tu kena ikut KBAT. Baru pelajar ada peluang nak guna semua kemahiran-kemahiran tu.**

(PK01/TB01/B393-395)

Dia sebenarnya **aras penyoalan** tu. Yang penting *ask the right question*. *So, budak boleh praktikkan KBAT, ikut aras-aras tu.*

(PK02/TB01/B171)

Para peserta kajian turut mencadangkan beberapa bentuk soalan yang boleh dikemukakan kepada pelajar seperti soalan berbentuk masalah atau situasi yang kompleks dan mencabar (PK01/TB04/B407-411; PK02/TB04/B12-14) Berikut dikemukakan petikan-petikan temu bual berkaitan kenyataan tersebut.

Cuba bagi soalan lain yang susah. Kita bagi dia berfikir. “Kalau awak dalam kapal terbang, tak boleh berhenti, lepas tu kapal terbang bergerak-gerak, awak bukannya boleh suruh *pilot* tu turun. *So*, apa awak nak buat dalam kapal terbang? Boleh tak tinggal solat?”

(PK01/TB04/B407-411)

Bagi soalan yang mencabarlah. Nak latih budak tahu dan buat sesuatu benda tu. Maksudnya, dia kena guna pemikiran dia tu untuk menyelesaikan masalah.

(PK02/TB04/B12-14)

Kita bagilah satu situasi ke... Bagilah situasi yang murid boleh nyatakan kenapa...Kalau kita sebut *direct*, kita sebenarnya dah beritahu apa yang kita nak. Sepatutnya dia boleh beri justifikasi. Kalau dia jawab betul atau salah, itu tak sampai aras tinggi..dia kena keluarkan...kena buat rumusan sekali.

Selain penyoalan, terdapat kaedah-kaedah lain yang boleh guru gunakan bagi meningkatkan pemikiran aras tinggi murid. Antaranya kaedah sumbang saran. Ujar PK02 dan PK03:

Sumbang saran...kita minta budak jana idea. Kat situ, dia boleh guna KBAT tu. Contohnya, ada orang lain boleh beri betul atau salah, dan dia pun memberi *reason* yang lain, dan baru kita buat kesimpulan...

(PK02/TB02/B278-280)

Sumbang saran pun boleh rangsang budak mahir KBAT.

(PK03/TB03/B63)

Menurut para peserta kajian, kaedah bercerita dapat memberi peluang kepada murid menggunakan KBAT seperti menganalisis dan menilai. Jelas mereka :

Bercerita pun boleh. Budak boleh analisis dan menilai daripada kisah.

(PK01/TB01/B355)

Satu lagi kalau **berceritalah** kan. **Budak analisis** cerita...

(PK02/TB02/B297)

Aktiviti **menceritakan**. Yang tu **analisis** ha...budak tu bercerita... yang lain **boleh analisis**.
(PK03/TB01/B59-63)


Akhir sekali, antara kaedah yang boleh membantu guru menerapkan KBAT dalam kalangan murid ialah kaedah amali. Menurut peserta kajian, kaedah amali dapat memberi peluang kepada murid menggunakan kemahiran mengaplikasi ilmu pengetahuan yang dipelajari, menganalisis isu atau permasalahan yang dikemukakan serta membuat penilaian. Jelas para peserta kajian :

Kita boleh jugak **amali**. Macam Ibadat, dia mesti boleh buat. Sebab tu ibadat, nak tak nak mesti ada praktikal. Tak complete kalau takde praktikal. Budak boleh **apply dan analyze**.
(PK01/TB01/B184-186)

Pastu, nak bagi budak ni **applying**, kita suruh budak ni cuba ambil wuduk. **Praktik terus**. Betul ke tidak wuduk dia kan. Dekat analisis tu tadi, kita masukkan kenapa kita tak perlu selak sampai lutut? Sedangkan lelaki pun aurat dia sampai bawah lutut kan? Macam saya kan, "Kenapalah kamu susah-susah nak pergi sampai buka aurat? Allah kata sampai buku lali je.." Ha, pastu budak **analisis dan rumuslah**.. "Oh..patutlah Allah suruh basuh sampai buku lali je ustazah..! Ni aurat kita." Itu KBAT lah.
(PK03/TB02/B62-68)

Keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa pelbagai kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh guru bagi menerapkan KBAT ke dalam diri murid. Namun begitu, berdasarkan dapatan temu bual, kesemua peserta kajian menekankan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipilih haruslah berupaya merangsang murid berfikir aras tinggi. Berkaitan dengan kaedah penyoalan, ia merupakan kaedah terbaik yang boleh digunakan bagi meningkatkan daya fikir murid (Rosnanaini et al. 2011). Penyoalan juga dapat menggerakkan minda, menilai pemahaman, menimbulkan naluri ingin tahu, menggalakkan penaakulan, merangsang berfikir secara mencapah, mampu menghubungkan idea yang dipelajari dengan dunia sebenar seterusnya meningkatkan mutu pemikiran aras tinggi murid (Abdull Sukor, 2008; Zamri et al., 2011; Eggen & Kauchak, 2012).

Kaedah sumbang saran pula dapat melatih murid untuk mengemukakan pandangan masing-masing yang logik, rasional dan analitik untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Ee Ah Meng, 2005). Kaedah bercerita dapat meningkatkan pemikiran kreatif murid kerana ia mengandungi masalah atau konflik yang perlu diselesaikan (Mok Soon Sang, 2013). Kaedah amali juga sesuai dilaksanakan kerana kaedah ini memerlukan murid melalui proses pembelajaran sebenar seterusnya menggalakkan murid mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang telah diperoleh ke dalam situasi yang baharu (Shamsina & Akhiar, 2015). Ringkasnya, dalam menerapkan kemahiran berfikir, guru harus bijak menentukan kaedah pengajaran yang dapat memberi peluang kepada murid menggunakan kemahiran berfikir (Philips, 1997). Keseluruhannya, dalam usaha untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid khususnya di peringkat sekolah rendah sewaktu pengajaran, guru harus mengambil kira strategi-strategi tertentu sebagaimana yang digambarkan menerusi rajah di bawah :



Rajah 1 Strategi Penerapan KBAT dalam Pengajaran

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat lima strategi penerapan KBAT dalam pengajaran seperti mana yang dikemukakan oleh para peserta kajian. Pendedahan berkaitan strategi penerapan KBAT daripada para peserta kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan bagi guru Pendidikan Islam yang lain dalam usaha untuk memastikan penerapan KBAT dalam pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan di bilik darjah. Apatah lagi, dalam konteks Pendidikan Islam, tanggungjawab menerapkan KBAT sewaktu pengajaran harus digalas dengan bersungguh-sungguh agar demi memantapkan pengetahuan murid terhadap isi kandungan pelajaran Pendidikan Islam seterusnya meningkatkan penghayatan murid terhadap pengamalan agama Islam itu sendiri. Justeru, para guru Pendidikan Islam perlu sentiasa menambah ilmu pengetahuan berkaitan pedagogi termasuk ilmu pengetahuan berkaitan KBAT dan strategi penerapannya dalam pengajaran serta berpegang teguh kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin (2011). Kaedah pengajaran Pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (pnyt). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (hlm.38-70). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2008). *Mendorong kreativiti kanak-kanak*. Kuala Lumpur : PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri & A'dawiyah Ismail (2012). Pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan Pendidikan Islam. <http://www.ipislam.edu.my> (13 Oktober 2014).
- Abdul Salam Yussof (2003). *Imam al-Ghazali : Pendidikan berkesan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdull Sukor Shaari (2008). *Guru berkesan : Petua dan panduan*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Mohd. Salleh (2008). *Pengajian agama Islam & j-QAF : Metodologi dan pedagogi pendidikan*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Sabri Mohd Yazid (2002). Pelaksanaan Amalan Kemahiran Berfikir Guru Dalam Mata Pelajaran Sains di Sekolah Rendah : Satu kajian kes. Projek Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon & Abdullah (1995). *Mengajar kanak-kanak berfikir*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2010). Dewesternisasi ilmu. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu 1 (2)*, 3-20.
- Al-Ghazali (1989). *Keutamaan Berfikir*. Terj. Achmad Sunarto. Jakarta : Pustaka Amani.
- Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., Airasian, P. W., Cruikshank. K. A., Mayer, R.E., Pintrich, P.R., Raths, J., Wittrock, M.C. (2001). *A taxonomy for learning, teaching and assessing : A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. New York : Addison Wesley Longman Inc.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam Pendidikan Islam : Halatuju dan cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education 4(2)*, 57-70.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurihanmi Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif*. Johor Bahru : Penerbit UTM Press.
- Bagheri, K. & Khosravi, Z. (T.th). The Islamic concept of education reconsidered. *The American Journal of Islamic Social Sciences 23 (4)*, 88-103. <http://www.epistemology.net> (12 Jun 2014).
- Beyer, K. B. (1988). *Developing a thinking skills program*. United States of America : Allyn & Bacon Inc.
- Beyer, B.K. (1995). *Critical thinking*. Bloomington : Phi Delta Kappa Educational Foundation.
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of educational objectives : Handbook 1 Cognitive domain*. New York : McKay.

- Bloom, B. S. (1989). *Taksonomi objektif pendidikan : Buku pedoman 1 : Domain kognitif*. Terj. Abdullah Junus. Selangor : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bogdan, R.C & Biklen, S. K. 2003. *Qualitative Research for Education : An Introduction to Theories and Methods*. Boston : Allyn & Bacon.
- De Bono, E. (1976). *Teaching Thinking*. London : Middlesex Penguin.
- Ee Ah Meng (2005). *Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Kompetensi khusus (Fungsi) pengurusan p&p*. Shah Alam : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Eggen, P. & Kauchak, D. (2012). *Strategies and models for teachers : Teaching content and thinking skills*. Edisi ke-6. Boston : Pearson Education, Inc.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Norhayati Alwi, Lukman Abd Mutalib & Azimi Hamzah (2013). Pemahaman dan pengamalan guru Pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran. *The Online of Islamic Education 1(1)*, 1-16.
- Gay, L. R. & Airasian, P. (2003). *Educational Research*. Ed. Ke-7. New Jersey : Upper Saddle River, Pearson Merrill Prentice Hall.
- Ghazali Darusalam (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Prin-Ad Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Halimah Md Shariff (2009). Aplikasi taksonomi kognitif Bloom. Dlm. Tajularipin Sulaiman & Aminuddin Hassan (pnyt.) *Peranan Minda dalam kemahiran berfikir* (hlm. 100-108). Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hamza Abed al-Karim Hammad & Muhammad Hafiz Salleh (2013). *Kemahiran berfikir menerusi pembelajaran ilmu tajwid*. Nilai : Penerbit USIM.
- Hasan Langgulung (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Hayes, D., Mills, M., Christie, P. & Lingard, B. 2006. *Teachers & Schooling Making A Difference*. Allen & Unwin, New South Wales.
- Jauhari Tak (1995). *Penyelesaian masalah dan pemikiran kreatif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor Baru : Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah (2011). Kajian kes penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar bandar : Satu kajian perbandingan. *Jurnal Teknologi 56*, 179-198.
- Kelsom Ismail (2010). Aras penyoalan guru pendidikan Islam dalam sesi pengajaran dan pembelajaran berasaskan Taksonomi Bloom. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (T.th). Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Pendidikan Islam Tahun4.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf (20 Mei 2021)
- Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi. Melaka : Percetakan Surya.
- Mahyuddin Ashaari (2001). Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. *Jurnal Pendidikan Islam 9(4)*, 1-8.
- Marzano R. J. & Kendall, J. S. (2007). *The new taxonomy of educational objectives*. 2nd Ed. USA : Sage Publications.
- Masnah Ali Muda (2014, April). *Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Kertas kerja Persidangan Perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Peringkat Kebangsaan, Ipoh, Perak.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research : A Guide to Design and Implimentation*. San Francisco : A Wiley Imprint.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. California : Sage Publications.
- Mohd. Rumaizuddin Ghazali (2005). *Minda hadhari*. Petaling Jaya, Selangor : Tradisi Ilmu Sdn. Bhd..
- Mohd. Syaubari Othman. (2017). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar (bbm) menerusi pengintegrasian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru pendidikan Islam sekolah rendah negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research (JIER) (2) : 1*.
- Mok Soon Sang (2013). *Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Muhammad Salih Samak (1980). *Ilmu Pendidikan Islam*. Terj. Wan Amnah Yaacob, Saedah Suhaimi & Ahmad Ismail. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Zulhilmi Haron (2011). Pengintegrasian kemahiran berfikir kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah: satu tinjauan di Putrajaya. Kertas kerja Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education, 5-7 November.
- Nor Hasnida Che Md Ghazali, Siti Rahayah Ariffin, Nor Azaheen Abdul Hamid & Rosseni Ariffin (2011). Kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah pelajar. Dlm. Zamri Mahamood, Jamallul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt), *Tranformasi dan Inovasi dalam Pendidikan* (hlm.257-269). Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan UKM.
- Nur Aida Muhammad. (2016). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Strategi Penerapannya Dalam Pengajaran. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Philips, J. A. (1997). *Pengajaran kemahiran berfikir : Teori dan amalan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Rajendran, N. S. (2008). *Teaching and acquiring higher-order thinking skills : Theory & practice*. Tanjong Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahil Mahyuddin & Habibah Elias (2002). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Shah Alam, Selangor : Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias & Kamariah Abu Bakar (2009). *Amalan pengajaran berkesan*. Shah Alam, Selangor : Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ramayulis (1990). *Metodologi pendidikan agama Islam*. Jakarta : Kalam Mulia.
- Rosnanaini Sulaiman, Maimun Aziz & Mok Soon Sang (2011). *Kemahiran berfikir*. Puchong, Selangor : Penerbitan Multimedia.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial : Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves : Edusystem Sdn. Bhd.
- Sabri Mohamad Sharif (2009). *Generasi ulul albab segunung harapan seteguh gagasan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sarimah Mokhtar. (2017). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Terbaik dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Guru* 1 : 47-60.
- Sarimah Kamrin & Shaharom Noordin (2008). Tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis pelajar Sains Tingkatan Empat. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 13, 58-72.
- Siti Rahayah Ariffin, Rosseni Ariffin & Hafsa Mohamed Makki (2008). Contribution Factors in Multiple Intelligence among Adolescence Students. *Journal of Education*, 33: 35-46.
- Shahril Sabudin. (2018). Amalan pedagogi produktif dan pengaruhnya terhadap budaya sains dan teknologi pelajar. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd. Mahzan Tamyis & Aliza Ali (2012). Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 19-31.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah (2012). Pengajaran kemahiran berfikir : Persepsi dan amalan guru Matematik semasa pengajaran dan pebelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 2(1), 19-36.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Mohd Sobri Mamat, Isahak Othaman & Ab. Halim Tamuri (2009). Kajian persepsi pelajar terhadap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Mohd Aderi Che Noh & Ahmad Marzuki Mohamad. (2018). Tahap pemahaman dan kesediaan pelaksanaan kemahiran guru pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran di negeri Selangor. Kertas kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan, 23 Oktober.
- Tee Tze Kiong (2013). Pengintegrasian kemahiran berfikir dan peta minda buzan bagi penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi. Tesis Dr. Fal, Michigan State University.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research : Design and Methods (Third Edition)*. Thousand Oaks, California : Sage Publication.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition 2012*, 155-172.